

07 JUL 2002

DR MAHATHIR HADIRI MAJLIS PERKAHWINAN DUA ANAK MENTERI

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini menghadiri majlis perkahwinan dua orang anak Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Azmi Khalid.

Majlis perkahwinan anak perempuan Azmi, Soraya, dan pasangannya Ali Burhani, diadakan serentak dengan anak lelaki Azmi, Ilham Salimee dan pasangannya, Tengku Nazeedah Tengku Mahmood.

Ia berlangsung di banglo Jabatan Kerja Raya di Jalan Conlay di sini.

Perdana Menteri dan isterinya yang baru pulang daripada lawatan dua hari ke Thailand dan singgah di Langkawi, turut menepung tawar kedua-dua pasangan pengantin itu.

Sebelum pulang Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah menjamu selera dengan kedua-dua pasangan itu.

-- BERNAMA

ZAI MSL MAI